


# Bersama, HENTIKAN H1N1!

<http://h1n1.moh.gov.my>

Adakah anda  
**BERISIKO TINGGI**  
mendapat komplikasi?

**SEGERA**  
dapatkan rawatan,  
jika anda mengalami gejala  
Influenza A(H1N1)!

Mereka yang berisiko tinggi adalah:



1. Kanak-kanak berumur kurang dari 5 tahun.
2. Orang dewasa berumur 65 tahun dan ke atas.
3. Kanak-kanak dan remaja (berumur kurang dari 19 tahun) yang mengambil ubat aspirin untuk tempoh rawatan jangka panjang.
4. Wanita hamil.
5. Orang dewasa dan kanak-kanak yang mempunyai penyakit sampingan yang lain seperti asma, penyakit paru-paru kronik, kegagalan fungsi organ, penyakit jantung, penyakit hati, penyakit sistem darah, penyakit saraf dan gangguan metabolik seperti diabetes.
6. Orang dewasa dan kanak-kanak yang mempunyai daya ketahanan badan yang rendah (termasuk akibat ubat-ubatan tertentu, penyakit kanser, penyakit HIV dan sebagainya).
7. Penghuni pusat penjagaan kesihatan serta facility penjagaan kronik yang lain.
8. Individu yang mempunyai berat badan berlebihan.



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**